

# BBC puji wawasan PM

Daripada Sharom Suboh

Foreign Trips

B.H. 17 JUL 1993

LONDON, Jumaat — Wawasan 2020 Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pembangunan pesat ekonomi Malaysia dijadikan perbandingan kemerosotan ekonomi Britain dalam satu rancangan televisyen Perbadanan Penyiaran British (BBC2) semalam.

Dalam rancangan *New-snight* yang menuramah Perdana Menteri, Dr Mahathir ditanya mengenai kejayaan Malaysia membangunkan ekonominya dengan kadar lapan peratus setahun, sedangkan Britain tidak mampu berbuat demikian.

Pengacara rancangan, Jeremy Paxton berkata: "Malaysia telah melihat ke hadapan dan bagi mereka, ia adalah kunci kejayaan. Di manakah silap Britain?"

Dr Mahathir ketika menjawab berkata, "Britain sudah kehilangan arah. Anda mengetepikan semua nilai baik yang anda warisi dan sebaliknya anda menganggap semua orang mesti mempunyai kebebasan mutlak, sedangkan semuanya mesti ada had."

Menurutnya, untuk kekal bersaing, Barat hendaklah menurunkan taraf hidup kepada tahap yang mereka mampu dan kemudian bekerja lebih keras untuk mampu bersaing di dunia.

"Sebagai contoh, bayaran kebajikan kepada penganggur di United Kingdom terlalu tinggi dan tidak ada cara untuk membayar gaji yang lebih rendah daripada bayaran itu," katanya.

Dua tokoh yang turut ditemuramah dalam rancangan

itu, Pengerusi Crabtree Group, Carl Wadkins, dan pemimpin sebuah kesatuan sekerja di sektor pengeluaran, Roger Lyons, selepas mendengar laporan kejayaan Malaysia, mengakui Britain kehilangan arah dan tidak seperti Malaysia, tidak mempunyai wawasan masa depan.

Wadkins berkata, Malaysia mempunyai arah serta wawasan dan ia komited dengan sektor pengeluaran dan membina asas ekonomi yang kukuh.

"Saya tidak fikir Britain mempunyai arah atau wawasan dalam industri pembuatan di United Kingdom dan ini kita perlu ada. Orang yang bertanggungjawab untuknya tidak semestinya kerajaan. Rakyat bertanggungjawab, mereka yang menonton prog-

ram malam ini," katanya.

Beliau berkata, Britain tidak membangunkan sektor pengeluaran tetapi sebaliknya melihatnya ia runtuh.

Dr Mahathir juga memberitahu, Malaysia menolak demokrasi cara Barat bagi mencapai status negara maju serta kedudukan ekonomi yang kukuh dan akan terus melaksanakan pembatasan bagi mengelak ketegangan kaum.

Beliau menegaskan Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum dan tidak ada gunanya menyokong demokrasi dan kebebasan yang boleh mencetuskan pertumpahan darah dan keganasan di kalangan rakyat.

"Kalau kita biarkan rakyat bertelagah sesama sendiri,

LIHAT MUKA 2 ✓

## Usah ikut cara Barat

DARI MUKA 1

kita akan melihat pertumpahan darah. Kita sudah lihat pertumpahan darah di banyak negara lain.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengalami peristiwa pada Mei 1969 apabila rakyat keluar ke jalan raya dan membakar rumah, kereta dan berhubung sesama sendiri.

"Kita tidak mahu ini berlaku dan untuk menghalangnya kita mengenakan sedikit pemba-

atasan. Contohnya, kita memberitahu media massa, sekiranya mereka cuba membangkitkan ketegangan kaum, kita akan menutupnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mahu kejayaan dalam ekonomi, negara yang bersatu padu, kuat serta maju dalam teknologi, seperti negara lain.

Katanya, Malaysia tidak boleh ikut cara Barat yang menerapkan idea kebebasan sehingga ia merosakkan masyarakat.